

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. DATUK KOH NAI KWONG  
(ALOR GAJAH)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 21.10.2015**

**Y.B. DATUK KOH NAI KWONG [ ALOR GAJAH ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah Kementerian akan meningkatkan kriteria dan had dalam permohonan kad kredit bagi mengurangkan kadar bankrap di kalangan belia.

**JAWAPAN**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelbagai langkah telah diambil untuk memastikan hanya pengguna yang berkemampuan sahaja diberi kad kredit. Bilangan belia yang diisytiharkan bankrap disebabkan oleh

hutang kad kredit adalah kecil dan hanya merangkumi 0.03% daripada jumlah pemegang kad kredit utama bagi tempoh Januari - Jun 2015.

Bagi mengawal tahap keterhutangan pemegang kad kredit, Bank Negara Malaysia (BNM) telah memperkenalkan beberapa syarat pengeluaran kad kredit untuk memastikan hanya mereka yang layak dan berkemampuan diberi kemudahan kad kredit. Syarat-syarat pengeluaran kad kredit adalah seperti berikut:

- Kelayakan pendapatan minimum untuk pemegang kad kredit dinaikkan daripada RM18,000 setahun kepada RM24,000 setahun sejak 18 Mac 2011; dan
- Pemegang kad kredit yang berpendapatan RM36,000 setahun atau kurang hanya boleh memiliki kad kredit daripada dua pengeluar kad sahaja serta mempunyai had maksimum kredit tidak melebihi dua kali ganda pendapatan bulanan pemegang kad bagi setiap pengeluar.

Garis Panduan Amalan Pembiayaan yang Bertanggungjawab (Garis Panduan) yang dikeluarkan oleh BNM pada tahun 2012 menghendaki institusi kewangan memastikan pembiayaan yang diberikan adalah berdasarkan kemampuan seseorang individu untuk membayar semula pinjaman tanpa dibelenggu bebanan hutang yang melampau sepanjang tempoh pembiayaan. Skop polisi ini telah diperluas untuk meliputi institusi-institusi bukan bank yang memberi pembiayaan kredit. BNM juga tidak lagi membenarkan pembiayaan berdasarkan pra-kelulusan termasuk untuk pembiayaan kad kredit.

Golongan belia yang menghadapi masalah kewangan dan kesukaran untuk membayar balik pinjaman harus berbincang dengan institusi kewangan berkenaan atau menghubungi Agensi Kaunseling Dan Pengurusan Kredit (AKPK) untuk mendapatkan kaunseling dan khidmat nasihat kewangan. Mereka disaran untuk mendapatkan nasihat atau bantuan daripada AKPK seawal mungkin sebelum prosiding kebangkrapan dimulakan bagi membolehkan AKPK bertindak sebagai pengantara dengan institusi kewangan yang terlibat dalam menyusun semula hutang yang diperolehi.